

04 JUN 1996

Langkawi - Mahal (Analisis Berita)

AMARAN PERDANA MENTERI KEJUTKAN PENIAGA DARIPADA LAMUNAN

Oleh: Zuhrin Azam Ahmad

LANGKAWI, 4 Jun (Bernama) -- Kekecewaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas terhadap sikap tamak segelintir peniaga di pulau peranginan bebas cukai ini bukanlah pertama kali.

Dahi beliau akan berkerut setiap kali diajukan soalan itu yang lebih merupakan rungutan pelawat terhadap sikap peniaga yang menaikkan harga barangan dan caj perkhidmatan sesuka hati.

Beliau berkata: "Saya tidak tahu nak buat apa lagi sehinggakan apabila kita cakap nak tarik balik status bebas cukai pun tak jadi apa-apa,".

Dr Mahathir mempunyai sebab untuk berasa kecewa terhadap sikap peniaga yang hanya mahu untung cepat kerana beliau sendiri mengilham dan mengawasi pembangunan di pulau ini yang sekaligus merupakan promosi untuk "menjual" Langkawi kepada pelancong.

Kita melarang (menaikkan harga) untuk kebaikan mereka, kalau dah harga mahal orang tidak datang dan jika orang tidak datang, kita juga yang rugi,".

Amaran ini ialah yang paling keras kepada peniaga di Langkawi yang Dr Mahathir sifatkan sebagai tidak insaf bahawa rezeki dan kemewahan yang dinikmati sekarang boleh lenyap akibat sikap tamak.

Menurut para peniaga, orang ramai perlu sedar bahawa keadaan itu berpunca daripada beberapa faktor dengan kos pengangkutan menjadi faktor utama dan ini di luar kemampuan mereka untuk mengatasinya.

Seorang peniaga makanan di kawasan perniagaan Pandak Mayah yang tidak mahu namanya disiarkan mengakui beliau sendiri sebenarnya mahu mengenakan harga yang rendah tetapi itu mustahil.

"Harga semua bahan mentah seperti sayur, ikan, daging dan ayam yang dibeli sudah sedia tinggi daripada di tanah besar kerana kos pengangkutan," katanya.

Beliau berkata keadaan itu tidak dapat dielakkan kerana semua bahan mentah untuk kegunaan di Langkawi dibawa dari tanah besar menggunakan kapal kargo.

"Saya sudah mencuba menjual pada harga yang paling minimum tetapi jika saya menjual tanpa mengambil sedikit keuntungan, lebih baik saya memasak dan makan sendiri di rumah," katanya.

Gambaran menunjukkan harga barangan di Langkawi mahal mungkin juga berpunca daripada kadar sewa kereta pandu sendiri yang tinggi pada setiap musim percutian.

Keadaan ini diakui sendiri oleh seorang pengusaha kereta sewa pandu sendiri yang beroperasi di Jeti Kuah yang berpegang pada prinsip permintaan dan bekalan.

Beliau berkata permintaan terhadap kereta sewa cukup tinggi pada musim cuti sedangkan bilangan kereta tidak mencukupi.

Katanya, pada hari biasa, beliau boleh menyewakan kenderaannya pada purata harga RM60 sehari tetapi apabila permintaan meningkat, kadar sewanya naik pada purata RM100 sebuah.

"Apabila ada pengunjung menyewa pada kadar itu, maka pengusaha lain turut menaikkan kadar sewanya," kata beliau.

Mengenai sama ada keadaan ini boleh menjejaskan imej Langkawi sebagai destinasi pelancongan, beliau berpendapat keadaan itu tidaklah seteruk seperti yang dibayangkan.

Mengenai amaran Dr Mahathir bahawa status bebas cukai di Langkawi mungkin ditarik balik, beliau mengakui bahawa jika ditarik balik, ia akan

menjejaskan rezeki mereka dengan sektor perhotelan merasai kesan paling teruk.

Mereka berkata keadaan sekarang berlaku kerana "kesan berantai" yang dikaitkan dengan kenaikan tambang feri dan khabar angin kenaikan kos kargo. Sejak Sabtu lepas, tambang feri dari Kuala Kedah ke sini dinaikkan kepada RM15 berbanding RM13 sebelum ini manakala dari Kuala Perlis naik RM2 kepada RM12.

Dr Mahathir berterus-terang membuat kritikan dan kritikan terbarunya membuatkan peniaga di Langkawi tersentak.

Peniaga di sini harus mengambil iktibar daripada amaran Perdana Menteri jika tidak mahu "membunuh itik yang bertelur emas". -- BERNAMA

ZAA FAZ